MUSA JELAS HAK AHLI

Oleh AMIN OMAR

BATU PAHAT, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini menyeru ahli-ahli UMNO jangan memandang negatif proses perubahan pucuk pimpinan tetapi mahulah sentiasa sedar setiap ahli itu mempunyai hak menonjolkan diri sebagai calon dalam pilihan pucuk pimpinan parti.

Setiap ahli yang menawarkan diri untuk bertanding dalam pemilihan pucuk pimpinan parti mempunyai gaya dan cara berkempen masing-masing.

Suasana yang bergelora kadangkala membawa kepada kekecohan pasti akan berlaku dalam proses memilih pemimpin parti, katanya.

"Kekecohan dan keghairahan ahli-ahli menjelang pemilihan pucuk pimpinan memang menjadi asas perbualan orang ramai.

"Saya ingin mengingatkan dalam gelora dan keghairahan demikian, para pemimpin pula janganlah terlampau melatah bila menghadapi pertandingan," katanya merasmikan mesyuarat agung UMNO Bahagian Semerah, 20 km dari sini.

Setiap ahli harus menerima hakikat bahawa persaingan hebat antara ahli untuk menjadi pemimpin adalah satu amalan biasa.

Mereka harus merasa megah kerana wujudnya persaingan dan pertandingan membuktikan UMNO adalah satu parti politik yang progresif dan aktif sentiasa menjadi bahan perbualan ramai.

Proses perubahan pucuk pimpinan ini, katanya, adalah perlu kerana hanya dengan perubahan perjuangan UMNO serta kepentingannya dapat dikekalkan dan diteruskan.

Setiap ahli memang berhak menawarkan diri sebagai bakal pemimpin serta berkempen mengikut gaya masing-masing, tetapi ini dilakukan dalam garisan dan peraturan yang sedia ada, katanya.

Sambil menyeru pemimpin-pemimpin umno supaya jangan terlalu melatah bila menghadapi pertandingan, beliau berkata keadaan yang sulit akan hanya timbul bila ada tokoh berkata dia tidak mahu bertanding, sedangkan dalam hatinya ia berharap namanya akan dicalonkan.

Kerelaan

Bila sudah dicalonkan, dia pula berkata dia tidak mahu bertanding dan akhirnya bertanding juga dengan alasannya ia berbuat demikian kerana desakan ahli.

Datuk Musa menyesali sikap begini dan berkata setiap ahli sepatutnya bersikap tegas dan jangan bertanding bila berkata tidak mahu bertanding.

Kalau kata tidak mahu bertanding, jangan tandatangani surat kerelaan bertanding, habis cerita, katanya.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata, UMNO adalah sebuah parti politik yang unik, dinamik, aktif dan progresif yang menceburi dalam semua kegiatan bersangkutan dengan kepentingan rakyat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia